



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : TAKAFUL
KOD KURSUS : DPI2113
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Objektif

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH(10)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah aqad yang melibatkan seorang muwakkil mewakilkan individu lain untuk menjalankan tugas perniagaan bagi pihaknya?
 - A *Aqad*
 - B *Hibah*
 - C *Tabarru'*
 - D *Wakalah*

2. Yang manakah di antara pernyataan berikut **bukan** definisi risiko ?
 - A Kehilangan harta atau nyawa.
 - B Ketidakpastian tentang kerugian.
 - C Ketidakpastian tentang apa yang akan berlaku di masa hadapan.
 - D Penilaian tahap risiko bergantung kepada perhubungan di antara kekerapan dan kerosakan.

3. Manakah di antara pasangan pernyataan berikut adalah **tidak benar** ?
 - A Bahaya - Merokok, Peril – Kebakaran.
 - B Bahaya – Penyimpanan gas mudah terbakar, Peril – Letupan.
 - C Bahaya – Sistem penggera tidak berfungsi, Peril – Kemalangan jalan raya.
 - D Bahaya – Penyelenggaraan kapal terbang tidak memuaskan, Peril – Nahas udara.

4. Semua pernyataan berikut adalah benar berkenaan konsep takaful **kecuali**
 - A berdasarkan konsep saling membantu dan penyatuan
 - B pelan perkongsian keuntungan pelaburan dengan peserta
 - C dana dikumpulkan dari peserta supaya kerugian seseorang ahli boleh dibayar gantirugi
 - D pelan yang hanya memberi keuntungan kepada pengendali takaful dan pengendali takaful semula

5. Manakah di antara elemen asas yang berikut perlu dipenuhi dalam kontrak jual beli ?

- i. Barang mestilah wujud.
- ii. Barang tidak semestinya mempunyai nilai.
- iii. Barang mestilah dimiliki sepenuhnya oleh penjual.
- iv. Barang tersebut mestilah boleh diserahkan kepada pembeli.

- A i, ii dan iii
B i, iii dan iv
C ii, iii dan iv
D Semua di atas

6. Apakah tujuan utama insurans ?

- i. Merangsang ekonomi masyarakat.
- ii. Memberi perlindungan kewangan dari kerugian.
- iii. Memberi kebebasan kewangan kepada masyarakat.
- iv. Memaksimumkan pulangan pemegang saham syarikat .

- A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C ii, iii dan iv
D Semua di atas

7. Apakah dokumen yang digunakan sebagai bukti perlindungan ?

- A Endosmen
B Borang Polisi
C Nota Lindung
D Sijil Insurans

8. Yang manakah di antara berikut adalah ciri-ciri operasi takaful ?

- i. Dana takaful dilaburkan dalam pelaburan patuh syariah.
- ii. Pengendali takaful hanya menguruskan operasi takaful bagi pihak peserta.
- iii. Peserta adalah bertanggungjawab untuk melindungi antara satu sama lain melalui konsep *tabarru'*.
- iv. Pengendali takaful menjamin dan memberi perlindungan sebagai balasan ke atas sumbangan yang dibuat oleh peserta.

- A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C ii, iii dan iv
D Semua di atas

9. Pernyataan berikut yang manakah **tidak benar** mengenai syarikat insurans ?

- A Syarikat insurans telah mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan yang banyak di Malaysia.
- B Penanggung insurans berkongsi kerugian syarikat seterusnya membantu mereka memberi tumpuan kepada aktiviti perniagaan utama mereka.
- C Dengan pemindahan risiko, syarikat insurans mengelakkan ketakutan dan kebimbangan pada perniagaan yang seterusnya membantu untuk mewujudkan keyakinan dan membolehkan mereka merancang ke hadapan dalam aktiviti perniagaan mereka.
- D Syarikat insurans mengumpul dana yang besar daripada premium yang dikutip dan dana ini biasanya dilaburkan dalam sektor awam dan swasta dengan itu ia menyumbang kepada pembangunan ekonomi secara keseluruhan.

10. Apakah objektif utama Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia ?

- A Memastikan operator takaful menggandakan keuntungan tahunan.
- B Menasihati syarikat Takaful berkenaan polisi dan rizab persekutuan.
- C Menyediakan dokumen undang-undang untuk institusi kewangan Islam patuh Syariah.
- D Menyeragamkan interpretasi syariah, memperkuat aspek peraturan dan kawalan, memantau dan menyediakan sekumpulan pakar penasihat syariah.

[10 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan, jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Berikan definisi insurans. (2 markah)
- b. Huraikan **empat (4)** tujuan dan matlamat melanggan insurans menurut Dr Muhammad Ibrahim Raf'at. (8 markah)

SOALAN 2

- a. Berikan definisi risiko. (2 markah)
- b. Bincangkan **dua (2)** jenis insurans menurut ilmuan Islam. (5 markah)
- c. Terangkan dengan ringkas **tiga (3)** jenis risiko tulen. (3 markah)

SOALAN 3

Huraikan istilah yang berikut :

- i. Peril
- ii. Hazad
- iii. Premium
- iv. Risiko tulen
- v. Risiko asas

(10 markah)

SOALAN 4

- a. Berikan **dua (2)** kategori asas risiko. (2 markah)
- b. Huraikan **empat (4)** ciri risiko yang boleh diinsuranskan. (8 markah)

SOALAN 5

Insuran merupakan satu kontrak di mana satu pihak (penanggung insuran) bersetuju menanggung rugi atau membayar sejumlah wang tertentu kepada pihak yang lain terhadap suatu kerugian yang timbul akibat berlakunya suatu kejadian.

Berdasarkan kenyataan di atas, huraikan **lima (5)** elemen penting bagi pembentukan kontrak insuran yang sah.

(10 markah)

SOALAN 6

- a. Berikan definisi takaful. (2 markah)
- b. Senaraikan **empat (4)** syarikat pengendali takaful yang terdapat di Malaysia. (4 markah)
- c. Huraikan **dua (2)** tujuan perlunya menubuhkan takaful di Malaysia. (4 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Huraikan **lima (5)** perbezaan di antara takaful dan insurans.
(10 markah)
- b. Bincangkan **lima (5)** kelebihan memilih takaful berbanding kontrak insurans.
(10 markah)

SOALAN 2

- a. Jelaskan **lima (5)** objektif penyeliaan terhadap industri takaful di Malaysia.
(10 markah)
- b. Huraikan **lima (5)** peranan Bank Negara Malaysia.
(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

